

Memorandum kepada Jawatankuasa Terpilih Parlimen Bagi Penambahbaikan Pilihanraya Malaysia

Sidang Pendengaran Awam
Sabtu-Ahad
13-14 Safar 1433 /7-8 Jan 2012

Gabungan Pertubuhan Bukan
Kerajaan Negeri Kelantan

Memorandum kepada Jawatankuasa Terpilih Parlimen Bagi Penambahbaikan Pilihanraya Malaysia

Ringkasan Cadangan-Cadangan

01. Sistem pilihanraya yang lebih demokrasi dan memenuhi kemahuan masyarakat
02. SPR Di Bawah Parlimen
03. Menghapuskan Undi Pos-Dengan Menjadikannya Sebagai Pengundi Biasa
04. Penetapan Tarikh Pilihanraya
05. Pemerhati Pilihanraya (Dalam Dan Luar Negera)-
06. Peraturan Kempen Yang lebih adil dan bermakna
07. Care-Taker Government (Kerajaan Menjaga)
08. Tiada Pilihanraya Kecil kerana kematian
09. Pembaikian Sistem Pendaftaran Pilihanraya
10. Tempoh Penamaan calon yang anjal(3 Hari)
11. Persempadan kawasan pilihanraya yang saksama

1. Sistem pilihanraya yang lebih demokrasi dan memenuhi kemahuan masyarakat

Malaysia adalah antara negara yang mengamalkan system majority yang paling mudah yaitu First Past The Post(FPTP). Secara "intrinsic" system ini memilih wakil mengikut lokasi geographi dan memberi keputusan yang jelas tentang siapa yang menang dan siapa yang kalah. Memang system ini ada beberapa kelebihan antaranya boleh memberi mandate kepada satu parti sahaja di dalam kerajaan dan menjadi satu kerajaan yang teguh

Bagaimanapun system ini mempunyai banyak kelemahan di mana banyak negara sudah tidak mengamalkan system ini bahkan negara yang asalnya sudah menolak cara ini. Negara-negara yang melaksanakan pembaharuan di dalam system pilihanraya seperti Indonesia atau Mesir menggunakan system lain dari FPTP.

Sistem FPTP tidak memenuhi hasrat demokrasi kerana banyak undi-undi tidak diwakili di dalam parlimen .

Oleh itu perlu ada satu jawatankuasa khas mengkaji satu system yang sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia di mana konsep demokrasi benar-benar dapat diterapkan dalam perlaksanaan pilihanraya. Ia mungkin gabungan(hybrid) di antara perbagai kaedah seperti system nisbah(proportion), pemilihan berdasarkan parti mengikut kawasan, pemilihan atas dasar individu dan system ini hendaklah "across the board" melibatkan pemilihan wakil-wakil rakyat dan juga pemimpin tertinggi negara(Perdana Menteri) Sistem tersebut hendaklah

mempunyai ciri-ciri bebas dan adil mengikut piawaian antarabangsa dan setiap undi diambil kira dan diwakili dalam institusi parliment

2. SPR Di Bawah Parlimen

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai rakyat Malaysia tidak mendaftar untuk mengundi. Ini secara langsung membri gambaran bahawa mereka tidak melihat kepentingan mengundi memandangkan kegagalan SPR di dalam menjalankan peranan nya sebagai satu suruhanjaya bebas. SPR dilihat sentiasa meluahkan pandangan-pandangan yang sama dengan pandangan kerajaan atau parti pemerintah

Ini jelas dilihat apabila lantikan pengurusi dan ahli-ahli SPR dari kalangan bekas-bekas pegawai kerajaan dan mereka dari kalangan penyokong parti pemerintah.

Walaupun jelas di dalam perlumbagaan bahawa tugas SPR ialah untuk mengadakan pilihanraya di peringkat negeri dan federal dan menyedia serta mengkaji daftar pengundi ,dalam beberapa keadaan SPR telah dilihat sebagai melampaui skop ini seperti isu kekosongan kerusi di Kedah atau krisis Dewan Undangan Negeri(DUN) Perak

Oleh itu amat perlu sekali SPR diberi kebebasan dengan diletek dibawah Parlimen dan dicadangkan pengerusinya di pilih dari kalangan hakim yang masih bertugas.

3. Menghapuskan Undi Pos-Dengan Menjadikannya Sebagai Pengundi Biasa

Sudah banyak masyarakat memperkatakan tentang undi pos. Sistem undi Pos ini sudah tidak relevan dan menjadi punca pertelingkahan masyarakat dan di kalangan parti-parti politik. Ianya sudah tidak relevan dan mudah dimanipulasi atau disalahgunakan. Hakikat ini diakui oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam pengundian pos.

Undian pos adalah bertentangan dengan piawaian antarabangsa dari segi konsepnya dan segi tatacara dan perlaksanaannya. Oleh itu ianya hendaklah dihapus TERUS bukannya nya dipinda juzuk-juzuk tertentu seperti pengundian awal dan sebagainya.

Walaubagaimanapun pengundian awal boleh diberi kepada mereka yang berada di dalam keadaan tugas tugas tertentu yang tidak membolehkan mereka keluar mengundi pada hari mengundi. Tetapi mereka tetap sebagai pengundi biasa dan ini sewajarnya juga boleh melibatkan tentera.

4. Penetapan Tarikh Pilihanraya

Penetapan tarikh pilihanraya adalah urusan negara yang besar dan kritikal ini hendaklah ianya dirangka dalam kaedah yang jelas dan consistent. Ianya bukan seperti yang diamalkan selama ini melalui kaedah ambush di mana perdana menteri seolah-olah boleh sesuka hati menetapkan tarikh pilihanraya.

Hal sedemikian akan menjadikan suasana melegakan masyarakat kerana pelbagai perancangan boleh diatur mengikut sepatutnya tanpa dibimbangi akan adanya pilihanraya mengejut. Parti-

parti politik juga dapat merencana program politik mereka dengan baik apabila mereka sudah mengetahui tentang tarikh pilihanraya ini.

Disatu sisi yang lain parti pembangkang di Malaysia terpaksa hidup dalam keadaan berteka-teki dimana mereka terpaksa menganalisa faktor ekonomi politik dan sosial untuk menjangka bilakah pilihanraya akan diadakan Sistem hak mutlak Perdana Menteri untuk menentukan tarikh pilihanraya yang memberikan kelebihan kepada parti yang memerintah

Kami mencadangkan hendaklah dibuat penetapan seawal mungkin dan selewat-lewatnya diumumkan setahun sebelum tarikh pilihanraya yang berikutnya.Semua pihak yang mempunyai kepentingan dipanggil berbincang untuk menetapkan tarikh yang sesuai.

5. Pemerhati Pilihanraya (Dalam Dan Luar Negera)-

Sudah menjadi piawaian antarabangsa bahwasanya sesuatu pilihanraya hendaklah dipantau dan diberi pemerhatian oleh badan-badan yang berwibawa sesuai dengan Deklarasi Tentang Prinsip-Prinsip Pemerhatian Pilihanraya Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu(*DECLARATION OF PRINCIPLES FOR INTERNATIONAL ELECTION OBSERVATION-2005*)

Sesungguhnya isu ini sudah mempunyai peruntukan dalam buku peraturan perjalanan pilihanraya Bahagian 15(3) yaitu orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh SPR.

Sebenarnya SPR telah membenarkan MAFREL memerhati pilihanraya umum ke 12 tetapi amat dikesali apabila menarik balik kebenaran ini dengan alasan yang remeh.

Kami mencadangkan supaya SPR menjadikan pemerhatian dari dalam dan luar negara sebagai satu standard operating procedures pilihanraya dan badan-badan yang dijemput hendaklah diputuskan oleh parlimen sebagai pemerhati pilihanraya yang diberi akreditasi.

6. Peraturan pilihanraya Yang lebih adil dan bermakna

SPR sebagai badan bebas yang diberi tugas menjalankan pilihanraya hendaklah memastikan peluang berkempen dan menyebarkan maklumat diberi secara adil dan saksama kepada semua yang terlibat dalam pilihanraya. Mereka tidak sepatutnya membiarkan pelbagai pihak mengambil advantage yang tidak adil dan melihat sahaja setengah pihak berada di dalam situasi yang teraniaya. Ini merangkumi peraturan kempen serta pelbagai salahlaku pilihanraya

Untuk itu kami mencadangkan

- agar SPR sendiri yang mengurus pentas-pentas kempen agar semua pihak berpeluang menyampaikan mesej masing-masing
- menetapkan had belanja berkempen dan membuat pengauditan yang teliti terhadap laporan perbelanjaan bahkan boleh mengadakan badan khas mengaudit perbelanjaan calon-calon . Calon yang didapati melakukan perbelanjaan yang lebih boleh dilarang dari menjadi calon di masa depan.
- SPR mengarahkan media kerajaan untuk memberi akses yang sepatutnya untuk semua calon-calon yang bertanding

7. Care-Taker Government (Kerajaan Menjaga)

Caretaker government atau kerajaan yang beroperasi dalam tempoh interim di antara pembubaran parlimen biasa bagi maksud mengadakan pilihan raya dan pembentukan kerajaan

baru selepas keputusan pilihan raya diketahui.Kewujudan kerajaan interim ini adalah penting dalam konteks free and fair election demi mengelak dari penyalahgunaan jentera kerajaan semasa tempoh kempen termasuk menggunakan kuasa atau keputusan kerajaan untuk kelebihan parti pemerintah

Caretaker government tidak boleh membuat apa-apa keputusan yang berbentuk polisi atau sebarang perjanjian yang mengikat kerajaan yang akan ditubuhkan kemudian.

Kami mencadangkan bahawa satu undang-undang atau apa-apa perubahan atau pindaan dalam mana-mana peruntukan yang sesuai digubal membolehkan wujudnya kerajaan menjaga(Caretaker government)yang dipimpin oleh orang yang tiada kaitan dengan politik atau mempunyai cita-cita politik

8. Tiada Pilihanraya Kecil kerana kematian

Pasca pilihanraya umum(PRU) ke 13 menyaksikan terlalu banyak pilihanraya kecil(PRU) akibat dari kematian wakil-wakil rakyat .Ini membebankan rakyat yang sudah memilih parti dan calon mereka dalam PRU.Rakyat diasak dengan pelbagai jentera kempen dan parti-parti yang terlibat khususnya parti pemerintah telah banyak melakukan pembaziran dalam peruntukan yang diluar peruntukan asal menyebabkan ketidakseimbangan perbelanjaan negara.

Oleh itu konsep pilihanraya hendaklah diberi penekanan terhadap pemilihan parti bertanding daripada pemilihan individu.Ini menjimatkan kos di samping penerusan pembangunan setempat tidak tergendala dengan kematian wakil rakyatnya kerana sebenarnya parti yang bertanggungjawab.

Oleh itu kami mencadangkan supaya apabila berlaku kematian wakil rakyat,maka parti yang mana diwakili oleh wakil rakyat itu diberi mandate untuk melantik wakil rakyat baru dari kalangan parti yang menang.

9. Pembaikian Sistem Pendaftaran Pilihanraya

Salah satu dari tugas utama SPR ialah menyediakan daftar pengundi dan mengemaskini serta membuat kajian dalam daftar tersebut. Daftar pengundi merupakan rekod amat penting dalam negara demokrasi dan perlu diberi tumpuan utama supaya mencapai maksudnya yaitu membolehkan mereka yang layak mengundi dan membuang nama-nama yang tak layak seperti yang sudah mati.

Amalan pendaftaran melalui agensi kerajaan atau melalui badan-badan politik adalah rumit dan menelan belanja yang besar.Dalam waktu yang sama proses ini terdedah kepada manipulasi serta pertikaian yang berpanjangan melalui bantahan-bantahan dan sebagainya

Database pengundi adalah seumpama database yang lain boleh diprogramkan supaya ianya mesra diguna oleh semua yang terlibat.

Oleh itu kami mencadangkan supaya pendaftaran pengundi dilakukan secara otomatik di mana berlaku rangkaian langsung antara Jabatan Pendaftaran Negara(JPN) dengan SPR dengan semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun keatas didaftar sebagai pengundi.

Untuk memudahkan bagi semua rakyat yang layak mengundi kami mencadangkan diperbolehkan undi di luar kawasan bagi rakyat yang tinggal jauh dari alamat rumahnya lantaran kerja atau tugas mereka yang menyukar mereka pulang pada hari pengundian.

10. Tempoh Penamaan calon yang anjal(3 Hari)

Setiap kali berlakunya pilihanraya pihak polis sentiasa gelisah dengan fenomena hari penamaan calon. Potensi huru hara serta pertembungan sengit antara parti-parti yang bertanding menjadi igauan pengawal keamanan. Angka belanja polis untuk PRK atau PRU cukup tinggi di antaranya ialah untuk tujuan hari penamaan calon.

Antara sebabnya ialah masa yang cukup singkat bagi setiap calon menyerahkan borang penamaan serta masa bantahan yang singkat.

Untuk ini kami mencadangkan agar SPR menetapkan tempoh penamaan calon satu tempoh yang anjal yang membolehkan calon menyerahkan borang bila-bila masa yang mereka pilih. Tempoh yang kami cadangkan ialah selama tiga(3)hari.SPR boleh memberi cadangan masa-masa tertentu untuk calon datang agar memilih masa yang sesuai untuk mereka.

11. Persempadan kawasan pilihanraya yang saksama

SPR mempunyai tanggungjawab perlombagaan di dalam penyusunan persempadan kawasan pilihanraya seperti berikut:

“

JADUAL KETIGA BELAS

[Perkara 113, 116, 117]

Peruntukan yang berhubungan dengan Penyempadan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya

BAHAGIAN I

PENETAPAN DAN PRINSIP YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENYEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA

1. Sehingga diubah mengikut peruntukan Jadual ini, bahagian-bahagian pilihan raya bagi memilih ahli-ahli ke Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri hendaklah bahagian-bahagian pilihan raya yang mula-mula digunakan bagi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan, mengikut mana mana yang berkenaan, menurut Perlembagaan ini atau Akta Malaysia.

2. Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihanraya menurut peruntukan Perkara 116 dan 117—

(a) di samping mengambil perhatian tentang wajarnya semua pemilih diberi peluang yang semunasabinya mudah untuk pergi mengundi,bahagian-bahagian pilihan raya patutlah disempadankan supaya tidak merentasi sempadan Negeri dan patutlah juga diberikan perhatian kepada kesulitan bahagian pilihan raya Negeri merentasi sempadan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan;

(b) perhatian patutlah diberikan kepada kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu;


(c) bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa,dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai

kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya;


(d) perhatian patutlah diberikan kepada kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihan raya, dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan."

Tetapi apa yang berlaku banyak bercanggah dengan semangat dan maksud perlombagaan.


A: Contoh tidak samarata pengundi



Kapar: 112,224 voters





PJ Utara: 76,618 voters




Sungai Besar: 31,381 voters

B Contoh ketidaksamarataan kawasan






N29 Sri Serdang
49,757 voters



P92 Sungai Besar
31,381 voters




N30 Kinrara
25,868 voters

Contoh antara DUN dan Parlimen di mana ketidakseimbangan antara kawasan parlimen dan DUN


Contoh-contoh Lain

- Merentasi of 3 PBT:
 - 4 Kawasan Parlimen
 - Kelana Jaya, Subang, Kota Raja, Sepang
 - 2 Kawasan DUN
 - Sri Muda, Dengkil
- Merentasi 2 PBT:
 - 4 Kawasan Parlimen
 - Tanjung Karang, Kapar, Gombak, Shah Alam
 - 11 Kawasan DUN


- Memisahkan Penduduk Setempat



Contoh merentas kawasan PBT



Contoh menggabung komuniti secara rambang



Kami mencadangkan

- Meminimakan ketidaksamarataan antara kawasan-kawasan pilihanraya samada parlimen atau DUN dalam konteks saiz atau bilangan penduduk.
- Dalam keadaan yang sama, kawasan pilihan raya dewan undangan negeri tidak boleh melebihi satu perdua saiz atau bilangan penduduk kawasan parlimen
- Tiada Gerrymandering dimana
 - Tiada rentasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di luar kawasan Jajahan
 - Tiada campur aduk komposisi masyarakat tempatan sewenang-wenangnya
 - Tiada pembahagian sewenang-wenangnya masyarakat tempatan seperti membahagikan satu kawasan perumahan kepada dua kawasan pilihanraya.